

14/04/2002

KL tidak pernah berkonflik dengan negara jiran

KOTA TINGGI: Malaysia tetap mengamalkan semangat kejiranan yang tinggi di dalam keluarga Asean, sekali gus tidak pernah menimbulkan sebarang masalah kepada negara jiran lain di rantau itu terutama Singapura.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menyifatkan perasaan kejiranan diamalkan Malaysia masih menebal dan sikap berbaik di antara jiran-jirannya bukan sesuatu kelemahan tetapi adalah satu kekuatan dalam mengukuhkan hubungan diplomatik dua hala.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak pernah mencari konflik, malah sentiasa memastikan pintu rundingan terbuka kepada mana-mana negara jiran dalam mencari penyelesaian dan kata sepakat.

"Atas dasar itu, jangan pula mengangap Malaysia terlalu mempertahankan sesuatu isu, tetapi hakikatnya kita proaktif dalam menyelesaikan mana-mana isu berbangkit.

"Sebagai contoh isu penambakan laut mereka (Singapura) yang memberi implikasi kepada negara kita. Oleh itu, Malaysia membawakan isu berkenaan kepada republik berkenaan.

"Berhubung perkara itu (penambakan tanah) kita memerlukan satu maklum balas daripada satu pihak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Kota Tinggi di Dewan Jubli Intan, di sini, semalam.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik berkata, Malaysia mempunyai asas kukuh apabila mengemukakan bantahan berhubung isu penambakan laut yang dilakukan Singapura berhampiran perairan Johor.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu republik berkenaan membuktikan aspek yang didakwa tidak berasas kerana bagi Malaysia bantahan yang dikemukakan itu cukup jelas.

Justeru itu, Syed Hamid beranggapan cara terbaik menangani masalah seperti penambakan laut adalah Malaysia tidak perlu memikirkan sangat cakap lepas Ahli Parlimen Singapura (terutama di media), tetapi menumpukan apa yang patut dilakukan di dalam wilayah sendiri.

Menurut beliau, hubungan Malaysia dan Singapura akan tetap menimbulkan isu berbangkit dari semasa ke semasa dan seharusnya perkara itu perlu difahami sebaik mungkin.

"Apa yang penting ialah Malaysia tidak mudah diperlekehkan oleh pihak lain dan negara kita sendiri harus pandai menguruskan diri sendiri.

"Kita tidak perlu memikirkan apa dia (Singapura) cakap dan terlalu memfokuskan apa yang diwarwarkan. Kita hanya membuang masa...tetapi yang penting ialah kita bercakap dan apa perlu buat dalam wilayah sendiri, di samping tidak harus berasa rendah diri.

"Malaysia mesti ada perancangan dan tindakan susulan dan perkara itu tidak perlu didedahkan pada umum.

"Langkah itu penting kerana sekiranya didedahkan pada akhbar atau umum, takut melemahkan kemampuan Malaysia untuk bergerak bagi kepentingan negara ini sendiri," katanya.

Di samping itu, menurut Syed Hamid, Malaysia adalah sebuah negara perdagangan yang mempunyai asas ekonomi dan pembangunan yang memberi kepentingan kepada negara dalam menentukan perkhidmatan terbaik.

(END)